

U 8780 DEB
MAHATHIR - MAKANAN R'R'R'

BANGI, 16 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA MEMPUNYAI POTENSI BESAR DALAM BIDANG PENGELUARAN BAHAN MAKANAN TERUTAMA DALAM BIDANG PEMROSESAN MAKANAN SIAP.

INI KERANA DI NEGARA INI TERDAPAT MASAKAN YANG TERKENAL DENGAN CARA KEISTIMEWAAN TERSENDIRI OLEH TIGA KAUM YANG TERBESAR IAITU MELAYU, CINA DAN INDIA YANG SEMEMANGNYA BERBEZA DENGAN MASAKAN DARI TEMPAT LAIN.

DENGAN JENIS MASAKAN YANG BEGITU BANYAK, SEPATUTNYA INDUSTRI PEMROSESAN MAKANAN DI NEGARA INI MENJADI LEBIH BESAR DAN TERKENAL, KATANYA KETIKA MERASMIKAN KILANG PEMROSES MAKANAN SYARIKAT DEWANA FOOD INDUSTRIES BERHAD DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA: +SEMENTARA KITA MENGIMPORT BANYAK MAKANAN DARI LUAR NEGERI, KITA TIDAK MENGGUNAKAN KEPANDAIAH SENDIRI BAGI MEMPROSES DAN MENGELUARKAN BANYAK MAKANAN UNTUK KEGUNAAN SENDIRI DAN EKSPORT.+

BELIAU BERKATA KEADAAN SEKARANG SUDAH BERUBAH DENGAN PENDUDUK DUNIA MELANCONG KE SANA DAN SINI, OLEH ITU SELERA MEREKA JUGA TURUT BERUBAH DAN ADA YANG BERKEHENDAKKAN MAKANAN DARI TIMUR. -- LAGI.
1530MST 16 07 88

U 8798 DEB
MAHATHIR - MAKANAN 2 BANGI

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DAHULU AMAT SUKAR UNTUK Mencari RESTOREN MAKANAN TIMUR DI EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT, TETAPI SEKARANG DI MANA-MANA SAHAJA DI NEGARA-NEGARA BERKENAAN AKAN TERDAPAT RESTOREN-RESTOREN INDIA, CHINA, THAILAND, VIETNAM DAN JEPUN.

BELIAU BERKATA INI MEMBERI PELUANG KEPADA PENDUDUK EROPAH DAN AMERIKA MERASA MAKANAN TIMUR SEPERTI JUGA DENGAN RAKYAT DI NEGARA INI YANG MEMANG BIASA DENGAN MAKANAN ALA BARAT.

KATANYA= +SEKARANG INI KITA DAPATI ORANG BARAT SUDAH MENGGEMARI MAKANAN SEPERTI KARI, TOMYAM DAN LAIN-LAIN DAN INI AKAN MEMBUKA PELUANG LUAS KEPADA PERNIAGAAN MAKANAN DARI NEGARA-NEGARA SEPERTI MALAYSIA, THAILAND DAN INDIA.+

BELIAU BERKATA JIKA RAKYAT TIDAK MEREbut PELUANG INI MEREKA AKAN RUGI KERANA KINI ORANG BARAT SUDAH MULAI MENGGEMARI MAKANAN DARI TIMUR.

OLEH ITU, KATANYA, RAKYAT SENDIRI SEPATUTNYA MEMBEKALKAN MEREKA DENGAN MAKANAN BERKENAAN SUPAYA IA MENJADI PERNIAGAAN YANG BESAR YANG DAPAT MENGUNTINGKAN NEGARA. -- LAGI.
1601MST 16 07 88

0873

U B804 DEB
MAHATHIR - MAKANAN 3 BANGI

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKEMBANGAN DALAM MASYARAKAT DI NEGARA INI JUGA TURUT BERUBAH DAN MENCAPAI TAMADUN ALA BARAT APABILA ORANG MENJADI TERLALU SIBUK DAN HANYA SEKADAR MEMANASKAN MAKANAN DENGAN PELBAGAI CARA.

INI KERANA SEMAKIN LAMA ORANG SEMAKIN KURANG CEKAP MEMASAK DISEBABKAN SUAMI DAN ISTERI SESEBUAH KELUARGA BEKERJA DAN KOS MENDAPATKAN TUKANG MASAK JUGA AGAK TINGGI.

BELIAU BERKATA KESAN INI JUGA SUDAH PASTI MEMBERI PONTENSI YANG BAIK UNTUK MENGIKATKAN PENGELUARAN MAKANAN YANG DIPROSES DI DALAM NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN SYARIKAT PEMROSESAN DI NEGARA INI SEKARANG MERUPAKAN SYARIKAT KECIL. TETAPI TIDAK MUSTAHIL PADA SATU MASA IA BERKEMBANG MAJU.

MENURUTNYA SYARIKAT-SYARIKAT BARANG MAKANAN YANG BESAR YANG TELAH MENCIPTA NAMA DAN TERKENAL DI SELURUH DUNIA SEKARANG, JUGA BERMULA SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT YANG KECIL.

BAGAIMANAPUN BELIAU BERHARAP SYARIKAT PEMROSESAN MAKANAN YANG SEDANG BERKEMBANG SEKARANG DAPAT MEMBEKALKAN MAKANAN SECUKUPNYA SEPERTI YANG DIPERLUKAN OLEH PERMINTAAN DI LUAR NEGERI. -- BERNAMA.
1638MST 16 07 88

0858